

3 syarikat tetap digabungkan: PM

Oleh Kadir Dikoh
dan Mohd Feroz Abu Bakar

CADANGAN bagi menggabungkan Sime Darby Bhd, Kumpulan Guthrie Bhd dan Golden Hope Plantations Bhd bagi mewujudkan syarikat perladangan senaraian awam terbesar dunia akan diteruskan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menafikan bahawa Permodalan Nasional Bhd (PNB) yang menguasai ketiga-tiga syarikat terbabit sedang mengkaji semula keputusannya berhubung penggabungan berkenaan.

"Tiada keputusan seumpama itu dibuat. Kita akan meneruskannya," katanya pada sidang media selepas melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 di Putrajaya semalam.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar se-

malam bahawa usaha Synergy Drive Sdn Bhd untuk menggabungkan tiga syarikat perladangan itu kini berdepan halangan berikutan langkah mengejut PNB yang mengubah pendiriannya berhubung cadangan penggabungan berkenaan.

Berikutan itu, perjanjian yang sepatutnya dimeterai antara ketiga-tiga syarikat perladangan itu untuk menggerakkan cadangan berkenaan ditangguhkan bagi tempoh sekurang-kurangnya dua minggu.

“Tiada keputusan seumpama itu dibuat. Kita akan meneruskannya”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

BH- 17/11/2007
Lembaga Pengarah Sime Darby dan Guthrie dalam kenyataan berasingan kepada Bursa Malaysia kelmarin berkata, Synergy Drive menaunguhkan tarikh bagi mereka memeterai perjanjian muktamad berhubung pelupusan aset kepada syarikat tujuan khas (SPV) sehingga 29 Januari ini.

Golden Hope dalam kenyataannya pula berkata, ia menulis kepada Synergy Drive meminta masa tambahan bagi memeterai perjanjian muktamad berkaitan pelupusan asetnya.

Sebelum itu Sime Darby, Guthrie dan Golden Hope termasuk lima anak syarikat mereka yang turut terbabit dalam penggabungan itu, mengumumkan lembaga pengarah masing-masing sudah bersetuju dengan penggabungan berkenaan dan akan memeterai perjanjian bagi pelupusan aset masing-masing kepada Synergy Drive.

Anak syarikat terbabit ialah Mentakab Rubber Co (Malaysia) Bhd, Si-

me Engineering Bhd, Sime UEP Properties Bhd, Guthrie Ropel Bhd dan Highlands & Lowlands Bhd.

Pengumuman mengenai persetujuan itu melonjakkan pasaran dan menyaksikan gabungan permodalan pasaran ketiga-tiga syarikat berkenaan meningkat kepada RM39 bilion daripada RM31 bilion sebelumnya.

Synergy Drive ditubuhkan CIMB Investment Bank November lalu bagi melaksanakan penggabungan itu dengan membeli aset dan liabiliti ketiga-tiga syarikat terbabit serta lima anak syarikat kumpulan berkenaan.

Jika penggabungan itu direalisasikan, PNB dan dana saham amanahnya akan muncul sebagai pemegang saham terbesar dalam Synergy Drive dengan menguasai lebih 45 peratus kepentingan ekuitinya.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula akan menguasai lebih 10 peratus dan bakinya akan dipegang pemegang saham minoriti.